

DUA ASPEK PENYELAMATAN LENGKAP TUHAN

Mesej Tujuh

Dua Aspek Penyelamatan Lengkap Tuhan— Penebusan Judisial Tambah Penyelamatan Organik

Bacaan Bible: Roma 5:10, 21; Yoh. 1:12-13; 1 Ptr. 2:25;
Roma 6:19, 22; 2 Kor. 4:16; 3:18; Ef. 4:15-16;
Roma 8:28-29; Flp. 3:20-21

I. Penyelamatan lengkap Tuhan mempunyai dua aspek—aspek judisial dan aspek organik—Roma 5:10, 21; Yoh. 1:12-13; 1 Ptr. 2:25; Roma 6:19, 22; 2 Kor. 4:16; 3:18; Ef. 4:15-16; Roma 8:28-29; Flp. 3:20-21:

- A. Aspek judisial penyelamatan Tuhan disempurnakan oleh Kristus dalam tubuh daging-Nya dalam lingkungan fizikal ministri-Nya di bumi secara objektif—Yoh. 1:14; Kol. 1:22:
 1. Aspek judisial adalah menurut keadilbenaran Tuhan—Roma 1:17a; 3:21-26; 9:30-31.
 2. Aspek judisial adalah menerusi Tuhan menggenapkan semua tuntutan hukum-Nya yang adilbenar pada pendosa melalui kematian Kristus yang menebus di atas salib—Gal. 3:13; 1 Ptr. 2:24; 2 Kor. 5:21; Ibr. 9:12.
 3. Kristus melaksanakan ministri-Nya di bumi dengan menyempurnakan penebusan judisial Tuhan, yang membawa hasil-hasil objektif yang berikut:
 - a. Mengampunkan dosa-dosa percayawan—Luk. 24:47; Ef. 1:7.
 - b. Membasuh pergi dosa-dosa percayawan—Ibr. 1:3.
 - c. Menjustifikasi percayawan—Roma 3:24-25.
 - d. Memperdamaikan percayawan, yang dahulu musuh-Nya, dengan diri-Nya—5:10a.
 - e. Menguduskan percayawan dari segi kedudukan mereka kepada diri-Nya untuk menjadi umat kudus-Nya—1 Kor. 1:2; Ibr. 13:12; 10:29.
- B. Penebusan judisial Tuhan ialah prosedur penyelamatan lengkap Tuhan supaya percayawan dapat berbahagian dalam penyelamatan organik Tuhan yang merupakan tujuan penyelamatan lengkap Tuhan—Roma 5:21.
- C. Semua butir dalam penyelamatan organik Tuhan dilaksanakan oleh Kristus bukan dalam tubuh daging dalam ministri-Nya di bumi secara judisial dan secara objektif tetapi dilaksanakan oleh Kristus sebagai Roh beri-hayat dalam ministri-Nya di syurga secara organik dan subjektif—1 Kor. 15:45b.

II. Aspek organik penyelamatan Tuhan dilaksanakan dalam alam divin dan mistikal dalam ministri Kristus di syurga secara subjektif oleh Kristus sebagai Roh beri-hayat dalam lapan langkah yang berikut:

- A. Kelahiruan ialah pusat penyelamatan lengkap Tuhan dan permulaan penyelamatan Tuhan dalam aspek organiknya:
 1. Kelahiruan ialah pengembangluasan hayat divin dengan menyalurkan hayat Tuhan ke dalam percayawan untuk melahirukan dan mencipta semula percayawan yang ditebus dalam roh mereka dengan Roh Tuhan—Yoh. 3:6b.
 2. Menerusi kebangkitan Kristus, Dia dapat menyalurkan hayat-Nya ke dalam percayawan yang merupakan kuasa untuk mereka menjadi anak-anak Tuhan, diperanakkan daripada Tuhan sebagai spesies-Nya—1 Ptr. 1:3; Yoh. 1:12-13.
 3. Menerusi kelahiruan, percayawan beroleh hayat divin Tuhan yang abadi selain hayat insani alamiah mereka—3:15, 36.
- B. Pemberian makan dalam penggembalaan ialah pengkhasiatan hayat divin:

GARIS KASAR LATIHAN

Mesej Tujuh (sambungan)

1. Pemberian makan ialah lanjutan kelahiruan menerusi Kristus menggembala kawanan-Nya dengan mengkhasiati dan membela mereka agar domba-Nya bertumbuh dalam hayat divin sehingga kematangan—Ef. 5:29; Yoh. 10:10-11, 14-16; 21:15-17; Ibr. 13:20; 1 Ptr. 5:4; 2:25.
 2. Pemberian makan mengkhasiati bayi yang baru dilahirkan (percayawan baru) agar mereka bertumbuh dan diselamatkan secara beransur-ansur menerusi bekalan susu dalam sabda Tuhan—ay. 2.
 3. Hasil pemberian makan ialah percayawan matang dalam hayat divin, ditransform, dan dikonform kepada imej Kristus—2 Kor. 3:18; Roma 12:2; 8:29.
 4. Pemberian makan juga dilakukan oleh percayawan menerusi penggembalaan saling-menyaling untuk pembinaan Tubuh Kristus demi penggenapan ekonomi abadi Tuhan dan pencapaian tujuan abadi Tuhan—Ef. 4:11-16; Yoh. 21:15-17; 1 Ptr. 5:2-3.
- C. Pengudusan dari segi disposisi mengkonstitusikan percayawan dengan sifat divin Tuhan:
1. Pengudusan dari segi disposisi merupakan pengudusan dalaman bagi percayawan yang sedang bertumbuh dalam hayat divin melalui penggerjaan Roh Kudus, iaitu Roh hayat, dalam disposisi mereka—Roma 15:16; 8:2.
 2. Percayawan dikuduskan dengan sifat Tuhan yang divin dan kudus agar mereka menjadi kudus kepada Tuhan, dengan itu menggenapkan tujuan Tuhan memilih mereka—2 Ptr. 1:4; Ef. 1:4.
 3. Pengudusan dari segi disposisi mengimplikasikan transformasi—Roma 6:19, 22.
 4. Pengudusan akhirnya akan dimanifestasikan dalam Yerusalem Baru sebagai kota kudus—Wahi 21:2, 10; 22:19.
- D. Pembaruan ialah proses bagi ciptaan baru Tuhan:
1. Percayawan diperbarui secara spontan apabila mereka dikuduskan oleh Roh Kudus—2 Kor. 5:17.
 2. Pembaruan ialah lanjutan bagi pembasuhan kelahiruan dan adalah berdasarkan proses pengudusan yang sedang berlangsung, agar percayawan menjadi baru.
 3. Pembaruan dilaksanakan:
 - a. Melalui Roh yang memperbarui itu berbaur dengan roh percayawan yang dilahirukan yang dihuni Kristus secara dalaman menjadi satu roh, untuk menyebar ke dalam minda percayawan demi memperbarui keseluruhan diri mereka agar menjadi anggota manusia baru—Tit. 3:5; Ef. 4:23.
 - b. Melalui percayawan bergerak-hidup dalam kebaruan hayat dalam kebangkitan—Roma 6:4; Ef. 4:22-24; Flp. 1:19-21.
 4. Pembaruan berlaku menerusi percayawan dihauskan oleh penderitaan dalam sekitaran—2 Kor. 4:16.
 5. Percayawan harus diperbarui secara menyeluruh dan mutlak agar secara praktikalnya, mereka dapat menjadi ciptaan baru sejati yang kepunyaan Tuhan dan untuk Tuhan—Gal. 6:15.
 6. Pembaruan menjadikan percayawan sebaru Yerusalem Baru—Wahi 21:2.
- E. Transformasi ialah proses metabolismik dalam hayat divin:
1. Proses ini mentransform seluruh diri percayawan, bermula daripada pembaruan minda, agar mereka dapat berbahagian sepenuhnya dalam kedivinan Tuhan—Roma 12:2b.

DUA ASPEK PENYELAMATAN LENGKAP TUHAN

Mesej Tujuh (sambungan)

2. Transformasi bukan apa-apa jenis pembetulan atau penyelarasan luaran tetapi sejenis metabolisme, melalui penambahan elemen hayat divin Kristus ke dalam diri mereka, untuk diekspresikan dalam imej Kristus secara luaran.
 3. Transformasi disempurnakan melalui Tuan Roh (Kristus pneumatik) yang men-transform percayawan menjadi imej kemuliaan Kristus—2 Kor. 3:18.
 4. Percayawan harus hidup dan bergerak-hidup melalui Roh (Gal. 5:16, 25) dan bergerak-hidup menurut roh pembauran (Roma 8:4b), supaya hayat divin Kristus mempunyai jalan untuk mengawal tertib mereka dan mentransform mereka menjadi imej Tuan dalam kemuliaan.
- F. Pembinaan ialah percayawan digabungkan dan dikaitkan bersama dalam hayat divin:
1. Pembinaan Tuhan dihasilkan melalui Roh yang mentransform bekerja pada percayawan, agar mereka digabungkan dan dikaitkan bersama—Ef. 4:16.
 2. Pembinaan ialah hasil daripada percayawan bertumbuh ke dalam Kepala, Kristus, dalam segala sesuatu—ay. 15; Kol. 2:19.
 3. Inilah pembinaan Tubuh Kristus untuk mengkonsumasikan pembinaan kota kudus, yakni Yerusalem Baru—Ef. 4:16; Wahi 3:12; 21:10-11.
- G. Konformasi ialah kematangan dalam hayat divin:
1. Konformasi ialah konsumasi bagi kelahiruan, pemberian makan, pengudusan, pembaruan, dan transformasi percayawan dalam hayat divin—Roma 8:28-29.
 2. Konformasi berlaku apabila percayawan menjadi matang dalam hayat divin melalui Roh yang mematangkan dalam roh mereka yang diperkaya dengan Kristus, lalu menjadi manusia penuh dewasa, sampai ke tahap ukuran statur kepenuhan Kristus—Kol. 1:28; Ef. 4:13.
 3. Konformasi bererti dikonform kepada imej Anak sulung Tuhan—Flp. 3:10; 1:19-21a; 1 Yoh. 3:2.
- H. Pemuliaan ialah manifestasi penuh bagi penyelamatan lengkap Tuhan:
1. Dalam kelahiruan, Tuhan memeterai percayawan yang dilahirukan dengan Roh-Nya sehingga hari penebusan—Ef. 1:13; 4:30.
 2. Percayawan yang matang akan dimuliakan dari dalam, menerusi mereka ditepui dengan kemuliaan Tuhan seumur hidup, dan mereka akan dimuliakan dari luar, menerusi mereka dibawa ke dalam kemuliaan Tuhan—ay. 30; 2 Tes. 1:10; Roma 8:23, 30; Ibr. 2:10.
 3. Pemuliaan percayawan yang matang ialah bahagian tertinggi bagi keanakan divin mereka dalam penyelamatan organik Tuhan; keanakan ini diterima mereka ketika mereka dilahirukan—Gal. 4:5; Roma 8:23.
 4. Penebusan tubuh percayawan ialah transfigurasi tubuh mereka ketika Tuan kembali—Flp. 3:20-21.
 5. Menerusi pemuliaan, Tuhan merealisasikan penggenapan tujuan abadi-Nya—Yerusalem Baru—kristalisasi bagi penyatuan dan pembauran Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi dengan umat tripartit pilihan-Nya yang dilahirukan, ditransform, dikonform, dan dimuliakan.

- III. Matlamat Tuhan dalam lapan bahagian penyelamatan organik-Nya ini ialah menjadikan kita Tuhan dalam hayat, dalam sifat, dan dalam ekspresi tetapi bukan dalam Ketuhanan, iaitu menjadikan kita duplikasi, salinan zeroks, bagi Tuhan; “Roh itu sendiri bersama dengan roh kita” ialah rahsia penyelamatan organik Tuhan:**

GARIS KASAR LATIHAN

Mesej Tujuh (sambungan)

- A. Roh yang melahirkan dalam roh kita yang dibangkitkan oleh Kristus, melahirkan kita, memberi kita kuasa untuk menjadi anak-anak Tuhan, diperanakkan daripada Tuhan.
- B. Roh yang mengkhasiat dalam roh kita yang dibelai Kristus, memberi kita makan susu rohani kepunyaan sabda agar kita dapat bertumbuh sehingga beroleh penyelamatan.
- C. Roh yang menguduskan dari roh kita yang tertawan oleh Kristus, menguduskan kita dengan sifat Tuhan, menjadikan kita kudus kepada Tuhan.
- D. Roh yang memperbarui dalam roh kita yang dihuni oleh Kristus secara dalaman, memperbarui kita agar kita dapat memakai manusia baru menerusi penghangcuran salib.
- E. Roh yang mentransform dalam roh kita yang dipenuhi Kristus, mentransform kita menjadi imej Kristus yang mulia demi ekspresi-Nya.
- F. Roh yang membina dalam roh kita yang diduduki Kristus, membina kita menjadi rumah Tuhan dan Tubuh Kristus demi penghunian Mereka.
- G. Roh yang mematangkan dalam roh kita yang diperkaya dengan Kristus, mengkonform kita kepada imej Kristus, Anak sulung Tuhan—model bagi para anak Tuhan.
- H. Roh yang memeterai dalam roh kita yang bersorak gembira dengan Kristus, menepui kita dengan kemuliaan Tuhan dan membawa kita ke dalam kemuliaan Tuhan demi pemuliaan kita.